

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

9.1 Latar Belakang Dasar Luar

(Buku Teks m.s. 194 – 195)

- 1 Senarai berikut merujuk kepada kerajaan Alam Melayu yang telah mengadakan hubungan luar.

- Kerajaan P'an-p'an
- Kerajaan Langkasuka
- Kerajaan Chih-t'u

Apakah kerajaan yang terlibat dengan hubungan luar tersebut?

- A India C China
B Jepun D Siam

(Buku Teks m.s. 194)

- 2 Bagaimanakah kerajaan Langkasuka mengadakan hubungan dengan China?

- A Aktiviti perdagangan
B Perkahwinan diraja
C Menghantar utusan
D Hubungan keagamaan

(Buku Teks m.s. 194)

- 3 Kesultanan Melayu Melaka (KMM) telah mengadakan hubungan dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.

Apakah bentuk hubungan luar KMM?

- I Hubungan diplomatik
II Hubungan keagamaan
III Hubungan kebudayaan
IV Hubungan perdagangan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 194)

- 4 Senarai berikut berkaitan dengan kuasa lain yang menjalinkan hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka.

- Siam
- Turki
- Pasai
- Ryukyu

Bagaimanakah hubungan luar tersebut dilaksanakan?

- A Perkahwinan siasah
B Hubungan diplomatik
C Pertembungan budaya
D Hubungan perdagangan

(Buku Teks m.s. 194)

- 5 Kesultanan Melayu Melaka (KMM) telah mengadakan hubungan perdagangan dengan beberapa buah kerajaan dan wilayah.

Apakah kesan hubungan tersebut terhadap KMM?

- A Mengukuhkan kerajaan
B Memperoleh keuntungan
C Memperkuat sistem pertahanan
D Menghalang campur tangan luar

(Buku Teks m.s. 194)

- 6 Apakah kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15?

- I Mengekalkan warisan tradisi
II Menjadi pusat penyebaran Islam
III Menjamin keselamatan kerajaan
IV Menggalakkan mobiliti sosial

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 195)

- 7 Apakah pihak yang mengawal hal ehwal luar negeri Melayu, Negeri-negeri Selat, Sarawak dan Sabah semasa zaman British?

- A Residen British
B Raja-raja Melayu
C Pejabat Tanah Jajahan
D Pesuruhjaya Tinggi British

(Buku Teks m.s. 195)

- 8 Kemerdekaan membolehkan kita menggubal sendiri dasar luar.
Mengapakah negara kita menggubal dasar luar sendiri?

A Kepentingan nasional
B Amalan sikap terbuka
C Kemajuan perdagangan
D Penggubalan undang-undang

(Buku Teks m.s. 195)

- 9 Apakah bentuk hubungan luar negara semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman?

I Probarat III Dasar terbuka
II Antikomunis IV Dasar berkecuali
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 195)

- 10 Pernyataan berikut merujuk kepada bentuk hubungan luar Malaysia.

Bersikap tidak memihak dan menjalin hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.

Siapakah pemimpin negara yang melaksanakan dasar tersebut?

A Tun Dr. Mahathir Mohamad
B Tunku Abdul Rahman
C Tun Hussain Onn
D Tun Abdul Razak

(Buku Teks m.s. 195)

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

- Menjadi pusat penyebaran Islam.
- Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di Selat Melaka.
- Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka.

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kegemilangan tersebut?

A Mempunyai tanah yang subur
B Mewujudkan jalinan hubungan luar
C Memperkuatkan sistem pertahanan
D Mengukuhkan organisasi masyarakat

(Buku Teks m.s. 195)

9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar

(Buku Teks m.s. 196 – 197)

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan penggubalan dasar luar Malaysia.

- Dasar Probarat
- Dasar terbaik-baik dengan semua negara

Apakah kebaikan dasar luar tersebut terhadap negara?

A Menjamin keselamatan negara
B Menyelaraskan bantuan teknikal
C Memantapkan struktur pentadbiran
D Menghapuskan sekatan perdagangan


(Buku Teks m.s. 196)

- 13 Bagaimanakah kejayaan dasar luar Malaysia dapat diukur?

A Kesejahteraan semua lapisan masyarakat
B Meningkatkan kemajuan dalam sistem ekonomi
C Ketinggian tatasusila dan kerjasama masyarakat
D Mewujudkan kerjasama pada peringkat antarabangsa

(Buku Teks m.s. 196)

- 14 Rajah berikut merujuk kepada Kementerian yang terlibat dalam penggubalan hubungan luar di negara kita.



Apakah nama baharu X?

A Kementerian Luar Negeri
B Kementerian Perusahaan Perdagangan
C Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
D Kementerian Pertahanan

(Buku Teks m.s. 196)

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah agensi kerajaan Malaysia.

- Menggubal dasar luar.
- Menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Apakah agensi tersebut?

A Wisma Putra
B Kementerian Hal Ehwal Luar
C Putra World Trade Centre (PWTC)
D Putrajaya International Convention Centre (PICC)

(Buku Teks m.s. 196)

- 16 Malaysia telah mengamalkan dasar luarnya yang sendiri.
Apakah matlamat penggubalan dasar luar tersebut?

I Menjamin kemerdekaan
II Mengekalkan kedaulatan
III Memajukan sistem politik
IV Mendapatkan perlindungan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D II dan IV

(Buku Teks m.s. 196)

- 17 Malaysia telah mengadakan hubungan luar berasaskan ikatan sejarah dan budaya.
Apakah negara yang terlibat melalui hubungan tersebut?

I India III Belanda
II Jepun IV Singapura
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 197)

- 18 Senarai negara berikut telah menjalin hubungan luar dengan Malaysia sejak sekian lama.

- Turki
- Mesir
- Yaman
- Arab Saudi

Apakah faktor yang mempengaruhi hubungan luar tersebut?

- A Ikatan budaya C Ikatan nasional
B Ikatan sejarah D Ikatan keagamaan

(Buku Teks m.s. 197)

- 19 Mengapakah keperluan nasional menjadi asas penggubalan dasar luar negara?

- A Menjaga kedaulatan negara
B Menghindari perbalahan etnik
C Memperkuat sistem pertahanan
D Meluaskan kegiatan perdagangan

(Buku Teks m.s. 197)

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan pengamalan dasar luar Malaysia.

- Mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali.
- Menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Apakah faktor yang mempengaruhi dasar luar tersebut?

- A Ikatan sejarah
B Persekitaran luar
C Kepentingan nasional
D Kebijaksanaan pemimpin

(Buku Teks m.s. 197)

- 21 Malaysia mengamalkan dasar jalinan hubungan dengan negara sedang membangun bermula pada tahun 1990-an.


Apakah negara sedang membangun tersebut?

I Afrika
II Amerika Syarikat
III Republik Soviet Union
IV Kepulauan di Pasifik Selatan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 197)

- 22 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan dasar luar Malaysia pada tahun 1970-an.



Mengapakah berlaku perubahan dasar luar tersebut?

- A Perang Dingin tercetus
B Kejatuhan harga komoditi
C Kemerosotan pengaruh British
D Desakan daripada pedagang asing

(Buku Teks m.s. 197)

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

(Buku Teks m.s. 198 – 205)

- 23 Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?

- A Mengekalkan keamanan dunia
B Memajukan kegiatan perdagangan
C Memperkukuhkan perpaduan rakyat
D Memperluaskan kawasan pemerintahan

(Buku Teks m.s. 198)

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan pendirian Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa.

“hidup bersama secara aman”

Apakah pertubuhan tersebut?

- A OIC C NAM
B PBB D Komanwel

(Buku Teks m.s. 198)

- 25 Apakah sumbangan Dr. Ismail Abdul Rahman terhadap PBB?
- Dilantik sebagai wakil tetap yang pertama
 - Ditugaskan sebagai setiausaha Majlis Ekonomi
 - Diiktiraf sebagai ketua misi pemerhati di Lubnan
 - Dihantar sebagai ketua misi pengaman di Congo

(Buku Teks m.s. 198)

- 26 Malaysia memberi komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB. Bagaimanakah komitmen dan kerjasama tersebut dilaksanakan?

- Mendukung piagam PBB
- Perkongasian ilmu dan kepakaran
- Membebaskan negara yang dijajah
- Terlibat dengan agensi di bawah PBB

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 198)

- 27 Semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus akur dengan Piagam PBB.

Apakah matlamat piagam tersebut?

- Menegakkan hak asasi manusia
- Menggalakkan kerjasama teknologi
- Menguatkan kerjasama pertahanan
- Memajukan perdagangan antarabangsa

(Buku Teks m.s. 198)

- 28 Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke arah memelihara keamanan dunia. Apakah sumbangan tersebut?

- Mewujudkan mata wang yang seragam
- Membebaskan negara yang dijajah
- Menghantar pasukan pemerhati
- Menyertai Majlis Keselamatan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 199 – 206)

- 29 Senarai berikut telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia.

- Gunung Mulu dan Taman Kinabalu
- Bandar Melaka dan Georgetown
- Lembah Lenggong

Apakah agensi PBB yang memberi pengiktirafan tersebut?

- WHO
- UNHCR
- UNESCO
- FAO

(Buku Teks m.s. 199)

- 30 Malaysia telah memberi kerjasama dalam agensi PBB berkaitan bidang kesihatan dan perubatan. Apakah agensi tersebut?

- WHO
- WMO
- ICAO
- GATT

(Buku Teks m.s. 199)

- 31 Apakah tanggungjawab badan antarabangsa berikut?

United Nations High Commissioner of Refugees (UNHCR)

- Membantu mangsa peperangan
- Menjadi pemerhati di negara bergolak
- Mengawal keselamatan antarabangsa
- Menjaga golongan yang tidak bernegara

(Buku Teks m.s. 199)

- 32 Malaysia telah menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik. Apakah tugas pasukan pengaman tersebut?

- Melindungi mangsa pelarian
- Memberi bantuan kewangan
- Mengawasi gencatan senjata
- Memastikan keselamatan penduduk

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 200)

- 33 Jadual berikut berkaitan dengan sumbangan Malaysia di peringkat dunia.

Tahun	Pasukan
1960 – 1994	UNOC (Congo)
1992 – 1995	UNPROFOR (Bosnia dan Herzegovina)
2000 – 2008	UNMEE (Ethopia)
2007 – kini	UNIFIL (Lubnan)

Mengapakah Malaysia menyertai pasukan tersebut?

- Menjaga kebajikan rakyat
- Menjayakan misi pengaman
- Memulihkan wabak penyakit
- Mengawal pergolakan politik

(Buku Teks m.s. 201)

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan misi pegawai Malaysia di bawah PBB.

- Menjadi juru bahasa
- Memberi latihan teknikal
- Membantu pentadbiran dan pengurusan

Apakah tugas tersebut?

- A Pengaman C Pengerusi
B Penganjur D Pemerhati

(Buku Teks m.s. 202)

- 35 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan sumbangan tokoh Malaysia dalam agensi PBB.

	Tokoh	Sumbangan
A	Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood	Wanita pertama di Asia mengetuai UN-Habitat
B	Datuk Maimunah Mohd Sharif	Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan
C	Tan Sri Razali Ismail	Wakil khas Setiausaha Agong PBB ke Myanmar
D	Dr. Jomo Kwame Sundaram	Pemerintah Tertinggi UNOSOM di Somalia

(Buku Teks m.s. 204 – 205)

- 36 Gambar berikut berkaitan dengan tokoh Malaysia yang terlibat dalam agensi PBB.



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

Apakah sumbangan beliau dalam agensi PBB?

- A Pemerintah tertinggi UNOSOM II di Somalia
B Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB
C Penolong Ketua Pertubuhan Makanan dan Pertanian
D Ketua Setiausaha Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia

(Buku Teks m.s. 204 – 205)

9.4 Malaysia dalam Komanwel

(Buku Teks m.s. 206 – 207)

- 37 Apakah ciri-ciri negara yang menyertai Komanwel?

- A Negara yang menghadapi konflik peperangan
B Negara merdeka yang masih tidak membangun
C Negara bekas jajahan British yang telah merdeka
D Negara yang menjalinkan kerjasama perdagangan

(Buku Teks m.s. 206)

- 38 Mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa berikut?

Komanwel

- I Mendapat bantuan ketenteraan
II Menyelesaikan masalah pertelingkahan
III Menjalinkan kerjasama dalam semua bidang
IV Membina semangat setia kawan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 206)

- 39 Apakah sumbangan Malaysia terhadap Komanwel?

- A Membangkitkan isu Apearteid
B Menghapuskan sekatan perdagangan
C Memperkenalkan mata wang dinar
D Menyertai misi kemanusiaan

(Buku Teks m.s. 200)

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan Malaysia terhadap Komanwel.

Tahun	Rancangan Colombo
1951	Bertujuan untuk menangani masalah kemiskinan dan memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota

Mengapakah rancangan tersebut penting kepada negara anggota Komanwel?

- A Memajukan sektor pertanian
B Menyediakan kemudahan perubatan
C Menggalakkan aktiviti pelancongan
D Membiayai pengajian pelajar

(Buku Teks m.s. 206)

- 41 Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Britain pada 12 Oktober 1957. Apakah kepentingan perjanjian tersebut?
- A Mempertahankan hak penduduk asal
 - B Memiliknegerakan pelaburan asing
 - C Menghalang program senjata kimia
 - D Memperkukuhkan keselamatan negara

(Buku Teks m.s. 206)

- 42 Kadar cukai yang dikenakan adalah lebih rendah antara rakan dagang dalam Komanwel. Apakah cukai tersebut?

- I Cukai produk digital
 - II Cukai sektor perlancongan
 - III Cukai terhadap binatang ternakan
 - IV Cukai eksport barangan siap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 206)

- 43 Melalui Komanwel, Malaysia dengan lantang menentang Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.

Mengapakah Malaysia menentang ideologi tersebut?

- A Ideologi komunis berkembang
- B Perdagangan antarabangsa terjejas
- C Keselamatan negara jiran terancam
- D Penyalahgunaan hak asasi manusia

(Buku Teks m.s. 207)

- 44 Apakah kesan daripada kelantangan Malaysia menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan?

- A Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel
- B PBB menghantar surat bantahan kepada Afrika
- C Sekatan perdagangan dikenakan terhadap Afrika
- D Tekanan politik dikenakan terhadap Afrika Selatan

(Buku Teks m.s. 207)

- 45 Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) diadakan dua tahun sekali.

Apakah yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut?

- A Bidang kuasa kerajaan
- B Isu semasa antarabangsa
- C Sistem pentadbiran negara
- D Penyelarasan bantuan teknikal

(Buku Teks m.s. 207)

- 46 Apakah sumbangan Malaysia terhadap CHOGM?

- A Menjadi tuan rumah
- B Memulihkan alam sekitar
- C Menyelaraskan bantuan teknikal
- D Membebaskan konflik antarabangsa

(Buku Teks m.s. 207)

- 47 Jadual berikut berkaitan dengan sukan Komanwel.

Tahun	Tempat
1998	Kuala Lumpur, Malaysia

Apakah tujuan Malaysia menganjurkan temasya sukan tersebut?

- A Mengukuhkan semangat perpaduan
- B Melambangkan kekuatan negara peserta
- C Menunjukkan kecekapan mengendalikan sukan
- D Mengukuhkan hubungan antara negara anggota

(Buku Teks m.s. 207)

9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

(Buku Teks m.s. 208 – 209)

- 48 Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalin hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.

Apakah kesan pengamalan dasar tersebut terhadap negara?

- A Menjalinkan hubungan dengan China
- B Mengekalkan perdamaian antara negara
- C Meningkatkan perhubungan sosiobudaya
- D Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan

(Buku Teks m.s. 208)

- 49 Maklumat berikut berkaitan dengan cabaran politik serantau.

Perluasan pengaruh komunis di Indochina

Apakah impak cabaran tersebut terhadap Asia Tenggara?

- A Berlaku diskriminasi
- B Ketidakstabilan politik
- C Sekatan perdagangan
- D Kemelesetan ekonomi

(Buku Teks m.s. 208)

- 50 Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN telah diadakan di Bali, Indonesia pada tahun 1976.

Mengapakah diadakan persidangan tersebut?

- A Membincangkan pergolakan di Indochina
- B Mengatasi ancaman komunis di Thailand
- C Menamatkan dasar konfrontasi Indonesia
- D Menyelesaikan pencemaran alam sekitar

(Buku Teks m.s. 208)

- 51 Bagaimanakah negara ASEAN mengatasi cabaran penguasaan pengaruh komunis di Indochina?

- A Menutup sempadan negara
- B Memberi bantuan ketenteraan
- C Mengadakan Sidang Kemuncak
- D Memutuskan hubungan diplomatik

(Buku Teks m.s. 208)

- 52 Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA) telah ditamatkan pada tahun 1971. Siapakah pihak luar yang terlibat dalam perjanjian tersebut?

- A China
- B Britain
- C Belanda
- D Amerika Syarikat

(Buku Teks m.s. 208)

- 53 Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan negara berikut selepas merdeka.

Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA)	
• Singapura	• New Zealand
• Britain	• Australia

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Malaysia?

- A Mengekalkan hubungan diplomatik
- B Menyelaraskan sempadan perairan
- C Memperkukuhkan keselamatan negara
- D Menggalakkan kemasukan pelabur asing

(Buku Teks m.s. 209)

- 54 Mengapakah Malaysia menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965?

- A Memperoleh bahan mentah
- B Memperluaskan pasaran ekonomi
- C Menggalakkan aktiviti pelancongan
- D Menangani isu keselamatan

(Buku Teks m.s. 209)

- 55 Apakah cabaran pembangunan ekonomi yang dihadapi Malaysia?

- A Kewujudan dominasi negara maju
- B Perdagangan antarabangsa disekat
- C Penceroohan di kawasan perairan
- D Ketidakseimbangan agihan ekonomi

(Buku Teks m.s. 209)

- 56 Harga komoditi negara adalah ditentukan oleh negara maju.

Apakah komoditi utama tersebut?

- A Kopi
- B Bauksit
- C Bijih timah
- D Kelapa sawit

(Buku Teks m.s. 209)

- 57 Malaysia telah menyertai anggota pertubuhan antarabangsa untuk mengatasi cabaran pembangunan ekonomi.

Apakah pertubuhan antarabangsa tersebut?

- I Internasional Tin Council (ITC)
- II Majlis Timah Antarabangsa (GATT)
- III Pertubuhan Kaji Cuaca Antarabangsa (WMO)
- IV Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Pasifik (ESCAP)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 209)

- 58 Bagaimanakah usaha Malaysia menangani kawalan harga minyak dan gas negara oleh negara maju?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Menubuhkan PETRONAS
- C Mengadakan perjanjian FPDA
- D Mengamalkan dasar berkecuali

(Buku Teks m.s. 209)

9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

(Buku Teks m.s. 210 – 211)

- 59 Maklumat berikut merujuk kepada pertubuhan serantau yang pertama yang ditubuhkan pada tahun 1961.


Pertubuhan Serantau	Negara Terlibat
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara	• Malaysia • Filipina • X

Apakah X?

- A Thailand
- B Singapura
- C Indonesia
- D Myanmar

(Buku Teks m.s. 210)

- 60 Rajah berikut berkaitan dengan cantuman nama tiga buah negara di Asia Tenggara.




Mengapakah MAPHILINDO ditubuhkan pada tahun 1963?

- A Menjalinkan kerjasama dalam ekonomi
- B Menggalakkan kerjasama pendidikan
- C Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia
- D Mewujudkan kerjasama dalam ketenteraan

(Buku Teks m.s. 210)

- 61 Rajah berikut berkaitan dengan pertubuhan di Asia Tenggara.



Apakah pertubuhan X?

- A AFTA
- B ASEAN
- C ZOPFAN
- D MAPHILINDO

(Buku Teks m.s. 210)

- 62 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Tahun	1971
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean

Apakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut?

- A Penubuhan Pusat Kajian Bahasa Inggeris (RELC)
- B Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- C Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- D Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM)

(Buku Teks m.s. 210)

- 63 Apakah matlamat penubuhan ASEAN?

- A Menetapkan sempadan negara
- B Menghapuskan ancaman komunis
- C Meningkatkan semangat setia kawan
- D Membentuk pakatan tentera serantau

(Buku Teks m.s. 210)

- 64 Bagaimanakah tindakan Malaysia untuk menyokong konsep ZOPFAN?

- A Menjalinkan hubungan dengan China
- B Menamatkan hubungan dengan Jepun
- C Mengadakan kerjasama dengan Jerman
- D Menandatangani perjanjian dengan British

(Buku Teks m.s. 210)

- 65 Malaysia telah menjadikan ASEAN untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau dan global.

Apakah kuasa besar yang menyokong pengisytiharan tersebut?

- I Rusia
- II Sepanyol
- III Afrika Selatan
- IV Amerika Syarikat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 210)

- 66 Mengapakah berlaku konflik di Vietnam dan Kemboja pada abad ke-20?

- A Perebutan kuasa
- B Ancaman komunis
- C Pendudukan Jepun
- D Kekejaman tentera

(Buku Teks m.s. 210)

- 67 Apakah tindakan Malaysia untuk menyelesaikan konflik politik di Vietnam?

- A Memberi bantuan ketenteraan dan kewangan
- B Menggugurkan keahlian dalam Komanwel
- C Menghalang campur tangan kuasa besar
- D Membentuk pakatan tentera serantau

(Buku Teks m.s. 210)

- 68 Bagaimanakah konflik politik di Kemboja diselesaikan pada tahun 1993?

- A Mengadakan pilihan raya
- B Meminta campur tangan PBB
- C Menukar tampuk pemerintahan
- D Membuat pembahagian sempadan

(Buku Teks m.s. 210)

69. Apakah misi pengaman PBB yang disertai Malaysia untuk menamatkan isu di Kemboja?
 A UNIFIL C UNMEE
 B UNTAC D INTERFET

(Buku Teks m.s. 210)

70. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama ekonomi ASEAN pada tahun 1978.

Kerjasama	Negara yang Terlibat
Projek Industri ASEAN (AIP)	- Malaysia - Indonesia

Apakah kerjasama ekonomi tersebut?

- A Pengeluaran baja urea
 B Pembukaan industri tembaga
 C Kawasan perdagangan bebas
 D Penyelarasan sistem kewangan

(Buku Teks m.s. 211)

71. Apakah kejayaan Projek Industri ASEAN (AIP) di Thailand?

- A Penanaman lada hitam
 B Pengeluaran baja fostat
 C Penghasilan serbuk soda
 D Penciptaan minyak kelapa

(Buku Teks m.s. 211)

72. Malaysia telah mendapat sokongan untuk mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas.

Bagaimanakah pasaran tunggal tersebut dapat dilaksanakan?

- A Kerjasama dengan kuasa besar
 B Penggunaan mata wang ASEAN
 C Pengamalan perdagangan bebas
 D Sokongan daripada pelabur luar

(Buku Teks m.s. 211)

73. Maklumat berikut merujuk kerjasama dalam bidang perdagangan antara negara ASEAN.

Tahun	Kerjasama Perdagangan
1978	Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)

Apakah kebaikan kerjasama perdagangan tersebut?

- A Pemberian khidmat nasihat
 B Pemotongan cukai barangan
 C Pembukaan sempadan negara
 D Penukaran sains dan teknologi

(Buku Teks m.s. 211)

74. Apakah kebaikan yang diperoleh Malaysia apabila menyertai pertubuhan berikut?

Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO)

- A Kerjasama dalam pendidikan
 B Keselamatan negara terkawal
 C Penubuhan Universiti Malaysia
 D Peluang belajar ke luar negeri

(Buku Teks m.s. 211)

75. Pertubuhan ASEAN telah berjaya mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan.

Apakah bukti yang boleh menyokong kejayaan tersebut?

- A Penubuhan AFTA
 B Pengenalan EAEC
 C Pembinaan RESCAM
 D Pengiktirafan ZOPFAN

(Buku Teks m.s. 211)

76. ASEAN telah mewujudkan kerjasama dalam bidang kebudayaan.

Bagaimanakah kerjasama tersebut dilaksanakan?

- A Pertukaran pelajar antara negara anggota
 B Pengisytiharan Tahun Melawat ASEAN
 C Pembinaan Pusat Kebudayaan ASEAN
 D Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN

(Buku Teks m.s. 211)

77. Apakah sukan yang dilaksanakan di peringkat ASEAN?

- A Sukan SEA C Sukan SUKMA
 B Sukan Olimpik D Sukan MASUM

(Buku Teks m.s. 211)

78. Gambar berikut berkaitan dengan logo Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).



Apakah maksud ikatan pada bahagian tengah logo tersebut?

- A Saling bekerjasama
 B Semangat persahabatan
 C Bersepakat dalam keputusan
 D Berdedikasi dalam perjuangan

(Buku Teks m.s. 211)

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

(Buku Teks m.s. 212 – 213)

- 79 Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia mengamalkan dasar probarat.

Apakah pendirian Malaysia pada ketika itu?

- A Menolak untuk bersikap neutral
- B Menerima hubungan multilateral
- C Mewujudkan kerjasama dua hala
- D Mengamalkan dasar berkecuali

(Buku Teks m.s. 212)

- 80 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia selepas merdeka.

- Menolak untuk bersikap neutral
- Menolak sebarang pakatan negara tanpa pihak

Mengapakah Malaysia mengamalkan dasar tersebut?

- A Memelihara keharmonian negara
- B Meningkatkan kemakmuran negara
- C Mengelakkan konflik antarabangsa
- D Mengukuhkan perpaduan rakyat

(Buku Teks m.s. 212)

- 81 Apakah pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia semasa mengamalkan dasar berkecuali?

- A PBB
- B NAM
- C OIC
- D Komanwel

(Buku Teks m.s. 212)

- 82 Gambar berikut merupakan logo NAM.



Apakah prinsip dasar luar negara yang menyertai NAM?

- I Neutral
- II Terbuka
- III Probarat
- IV Aman bebas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 212)

- 83 Maklumat berikut berkaitan dengan penyertaan Malaysia dalam NAM.

Tarikh	April 1970
Persidangan	Sidang Kemuncak di Dar es Salam, Tanzania

Siapakah wakil Malaysia yang menyertai persidangan tersebut?

- A Kadir Shamsuddin
- B Dr. Ismail Abdul Rahman
- C Muhammad Ghazali Shafie
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

(Buku Teks m.s. 212)

- 84 Apakah sumbangan Malaysia sebagai anggota Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?

- I Menentang dasar Aparteid
- II Memperjuangkan isu pencemaran
- III Membebaskan negara yang dijajah
- IV Membangkitkan isu Palestin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 212 – 213)

- 85 Apakah sumbangan Malaysia dalam Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003?

- A Pengerusi
- B Pemerhati
- C Menjadi perasmi
- D Menjadi tuan rumah

(Buku Teks m.s. 212)

- 86 Apakah sumbangan Tun Abdullah Ahmad Badawi, Mantan Perdana Menteri Malaysia dalam NAM?

- A Pengerusi
- B Ketua Sekretariat
- C Setiausaha Agung
- D Aktivis kemanusiaan

(Buku Teks m.s. 212)

- 87 Malaysia menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid.

Apakah cadangan Malaysia terhadap isu tersebut?

- A Menolak segala kerjasama dengan Afrika Selatan
- B Menjadi perantara untuk menasihati Afrika Selatan
- C Memberi tekanan ekonomi terhadap Afrika Selatan
- D Memutuskan kerjasama sosial dengan Afrika Selatan

(Buku Teks m.s. 212)

- 88 Apakah isu yang diperjuangkan oleh Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?
- Isu Palestin
 - Benua Antartika
 - Kerjasama ekonomi
 - Penyalahgunaan dadah

(Buku Teks m.s. 212)

- 89 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan Malaysia dalam NAM.

Tahun	Sumbangan
1992	Malaysia membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia dalam Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia.

Apakah kesan daripada tindakan Malaysia tersebut?

- Menyekat bantuan ketenteraan
- Menggulingkan pemimpin Serbia
- Menghentikan kerjasama ekonomi
- Menggantung keahlian Yugoslavia

(Buku Teks m.s. 213)

- 90 Senarai berikut merupakan negara kuasa besar pada abad ke-20.

China
Rusia
Amerika Syarikat

Apakah cadangan Malaysia terhadap kuasa besar tersebut?

- Menerima Asia Tenggara sebagai kawasan berkecuali
 - Tidak memberi tekanan kepada Asia Tenggara
 - Memberi kerjasama dalam pembangunan ekonomi
 - Tidak mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 213)

- 91 Malaysia telah menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970. Mengapakah Malaysia menandatangani perisytiharan tersebut?

- Mempertahankan hak penduduk asal
- Menghalang program senjata kimia
- Mendesak pengharaman senjata nuklear
- Menghapuskan semua sekatan perdagangan

(Buku Teks m.s. 213)

9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

(Buku Teks m.s. 214 – 217)

- 92 Dialog berikut mungkin berlaku antara negara-negara Islam.

Pemimpin A: *Puak Zionis sedang melakukan serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa.*

Pemimpin B: *Kita perlu muafakat untuk menghentikan keganasan tersebut.*

Pemimpin C: *Betul. Sebuah pertubuhan mewakili negara-negara Islam perlu ditubuhkan.*

Apakah pertubuhan tersebut?

- OIC
- NAM
- PBB
- Komanwel

(Buku Teks m.s. 214)

- 93 Tunku Abdul Rahman telah mencetuskan idea penubuhan OIC pada tahun 1971.

Apakah matlamat penubuhan pertubuhan tersebut?

- Mengekalkan keamanan dunia
- Meningkatkan hubungan perdagangan
- Menjaga kepentingan masyarakat Islam
- Memperjuangkan hak asasi manusia

(Buku Teks m.s. 214)

- 94 Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman dalam Pertubuhan Kerjasama Islam?

- Pengerusi
- Naib Presiden
- Ketua Sekretariat
- Setiausaha Agung pertama

(Buku Teks m.s. 215)

- 95 Siapakah pemimpin Malaysia yang dilantik sebagai pengerusi OIC pada tahun 2003?
- A Tun Abdul Razak Hussein
 - B Tun Dr. Mahathir Mohamad
 - C Tun Abdullah Ahmad Badawi
 - D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

(Buku Teks m.s. 215)

- 96 Masyarakat Islam sering mendapat tohmahan berkaitan dengan 3K berikut.

- Keganasan
- Kemiskinan
- Kemunduran

Bagaimanakah pendekatan Malaysia untuk menangani tohmahan tersebut?

- A Memberi bantuan kemanusiaan
- B Melaksanakan rundingan damai
- C Menganjurkan beberapa persidangan
- D Mengetengahkan nilai kesederhanaan

(Buku Teks m.s. 215)

- 97 Malaysia bersama-sama OIC telah memberikan penekanan dalam bidang pendidikan. Apakah sumbangan Malaysia dalam bidang pendidikan tersebut?

- I Membuka pusat penyelidikan dan pembangunan
 - II Menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 - III Memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC
 - IV Mengadakan pertukaran pelajar antara negara anggota
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 216)

- 98 Bagaimanakah usaha Malaysia menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC?

- A Memberi bantuan kewangan
- B Menghantar misi kemanusiaan
- C Menjadi perantara dan pemerhati
- D Mengadakan perjanjian pertahanan

(Buku Teks m.s. 216)

- 99 Malaysia telah menyokong perjuangan Mujahidin Aghanistan terhadap Regim Kabul. Bagaimanakah sokongan Malaysia terhadap perjuangan tersebut?

- A Menghantar 15 orang pegawai tentera sebagai pemerhati PBB
- B membenarkan pembukaan pejabat perwakilan di Kuala Lumpur
- C Menyuarakan penentangan secara lantang di Sidang Kemuncak
- D Mencadangkan pemberian hak mereka sebagai negara merdeka

(Buku Teks m.s. 216)

- 100 Logo berikut berkaitan dengan Bank Pembangunan Islam yang disertai Malaysia pada tahun 1974.



Apakah faedah diperoleh Malaysia daripada penyertaan tersebut?

- A Memperoleh bantuan khidmat nasihat
- B Mengguna pakai mata wang dinar emas
- C Mengukuhkan kestabilan ekonomi negara
- D Melaksanakan projek pembangunan negara

(Buku Teks m.s. 217)